

MTIB wakili sektor awam ke Anugerah Perkhidmatan Awam PBB 2005

KUALA LUMPUR 2 Dis. — Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) dicalonkan sebagai salah satu wakil sektor awam Malaysia untuk Anugerah Perkhidmatan Awam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi tahun 2005.

Pengerusi MTIB, Tan Sri Dr. Abdullah Mohd. Tahir berkata, kejayaan tersebut merupakan hasil usaha sama semua warga kerja MTIB yang menjalankan kerja dengan penuh komitmen.

"Saya berharap MTIB akan terus berjaya dan terus cemerlang serta sentiasa berupaya membekalkan perkhidmatan yang berkualiti kepada semua pelanggan," katanya.

Beliau yang juga Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan, Peladangan dan Komoditi berkata demikian kepada pemberita pada Majlis Keceperlangan MTIB dan Jamuan Aidilfitri, di sini, hari ini.

Menurut Abdullah, MTIB disenarai pendek sebagai antara lima jabatan kerajaan bagi Pertandingan Anugerah Kualiti Perdana Menteri (AKPM) dan Anugerah Kualiti Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan (AKKSUK) bagi tahun 2004. Beliau menyifatkan pencalonan itu adalah hasil daripada kejayaan MTIB mendapatkan penganugerahan Sijil Sistem Kualiti MS ISO 9901:2000 dari pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd.